



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 4**

**AKTA TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM**

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 4**

**TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM**

**SUSUNAN BAB-BAB**

Bab

**BAHAGIAN I**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM TAFSIRAN**

1. Gelaran pendek
2. Pengenaan
3. Tafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM BERKENAAN  
DENGAN AKTA DAN UNDANG-UNDANG  
BERTULIS LAIN

4. Akta
5. Bab dan Jadual
6. Cara menyebut Akta
7. Pengertian sebutan kepada bab, dsb., dalam suatu Akta
8. Mula berkuatkuasa undang-undang bertulis
9. Kesan pemansuhan dan penggantiannya
10. Kesan pemansuhan secara am
11. Had pemansuhan
12. Undang-undang bertulis hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang bertulis yang dipindanya

BAHAGIAN III

PERUNDANGAN TAMBAHAN DAN SURATCARA

13. Perundangan tambahan : Kuasa-kuasa yang termasuk dalam kuasa untuk membuat perundangan tambahan
14. Pengertian peruntukan hukuman am berhubungan dengan perundangan tambahan
15. Takat kuasa untuk membuat perundangan tambahan atau suratcara atau melaksanakan perbuatan-perbuatan yang serupa sifatnya
16. Penyiaran

17. Pernyataan perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat
  - 17A. Pernyataan perintah dsb., seseorang Menteri
  - 17B. Menandatangani dokumen
18. Menjalankan kuasa-kuasa berkanun di antara pembuatan undang-undang dan permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis

#### BAHAGIAN IV

#### KUASA-KUASA DAN LANTIKAN-LANTIKAN

19. Pengertian peruntukan-peruntukan tentang perjalanan kuasa dan kewajipan
20. Kuasa untuk melantik termasuk kuasa untuk membuang kerja
21. Pengertian perkataan-perkataan yang membolehkan
22. Lantikan pegawai atas nama atau jawatan
23. Ditarikhkan pada tarikh lantikan
24. Kuasa Menteri untuk mempersyaratkan pelaksanaan kewajipan pegawai awam semasa ketidaaan atau ketiadaupayaan buat sementara
25. Kuasa untuk melantik ke jawatan tetap yang tidak kosong
26. Kesan mentakrifkan jawatan hendaklah termasuk timbalan atau penolong
27. Kuasa majoriti dan orang yang mempengerusikan
28. Anggapan untuk faedah perjalanan kuasa secara sah

BAHAGIAN V

PERWAKILAN KUASA

29. Perwakilan di bawah bab-bab 30, 31, 32 dan 33 untuk disiarkan dalam *Warta Kerajaan*
30. Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat untuk mewakilkan dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri
31. Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mewakilkan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tertentu dengan kelulusan majoriti Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri
- 31A. Perwakilan kuasa Menteri
32. Pengecualian
33. Perwakilan tidak mencegah perjalanan kuasa oleh pegawai yang mewakilkannya

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN HUKUMAN

34. Pengenaan suatu hukuman tidak menjadi halangan terhadap tindakan sivil
35. Pelanggaran syarat dalam lesen, permit, dsb., merupakan suatu kesalahan
36. Peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan di bawah 2 atau lebih undang-undang
37. Hukuman kerana tingkahlaku buruk dan pelanggaran lain jika tiada peruntukan tertentu
38. Cara menetapkan hukuman dan hukuman tiap-tiap satu
39. Hukuman yang ditetapkan hendaklah hukuman maksimum

40. Pelupusan denda dan hukuman
41. Pelupusan lucut hak

**BAHAGIAN VII****RAMPAIAN**

42. Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melantik pegawai awam sedemikian untuk berkhidmat dalam Lembaga dan untuk melantik pengerusi
43. Keterangan tandatangan Peguam Negara atau mana-mana pegawai awam dalam fiat
44. Perbicaraan *ex-officio* hendaklah tidak terhenti atas kematian, dsb.
45. *Warta Kerajaan* hendaklah menjadi keterangan bagi perkara-perkara di dalamnya
46. Pencetakan undang-undang bertulis
47. Perbuatan di mana pembayaran adalah dikehendaki tidak perlu dilaksanakan sehingga pembayaran dibuat
48. Pengurangan, perubahan, remitan dan pengenaan bayaran dan caj
49. Gelaran undang-undang British
50. Pengubahsuaian Akta-Akta dan Perintah-Perintah dalam Majlis Mesyuarat diperluaskan atau dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam

51. Pengertian sebutan-sebutan dalam undang-undang bertulis kepada Akta-Akta Parlimen dan Perintah-Perintah dalam Majlis Mesyuarat dan perundangan yang diperbuat di bawahnya

JADUAL

---

## AKTA TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM

**Suatu Akta untuk membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan pengertian, tafsiran dan penyiaran undang-undang, dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya**

6 tahun 1959  
23 tahun 1967  
S.9/84  
S.7/89  
S.47/89

*Permulaan kuatkuasa : 29hb September 1959 S.105/59*

### BAHAGIAN I

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM TAFSIRAN

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am. Gelaran pendek
2. (1) Kecuali jika terdapat maksud yang berlawanan, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dikenakan kepada Akta ini dan kepada sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sekarang atau kemudian yang dibuat oleh pihak berkuasa yang layak di Negara Brunei Darussalam, dan kepada sebarang suratcara yang dibuat atau dikeluarkan di bawahnya. Pengenaan
  - (2) Akta ini hendaklah mengikat Kerajaan.
3. (1) Tafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu

“perbuatan”, digunakan berkenaan dengan suatu kesalahan atau kesalahan sivil, termasuk suatu siri perbuatan-perbuatan, dan perkataan-perkataan yang merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan diperluaskan kepada peninggalan-peninggalan ;

“aturan-aturan rayuan pentadbiran” bermakna aturan-aturan berkenaan dengan rayuan-rayuan pentadbiran kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat ;

“meminda” termasuk memansuh, menambah atau mengubah dan melakukan semua atau 2 atau lebih perkara itu secara serentak atau dengan suratcara yang sama ;

“Peguam Negara” bermakna pegawai yang dilantik di bawah ceraian (7) bab 4 dari Perlembagaan ;

“Juruaudit Agung” bermakna pegawai yang dilantik di bawah bab 66 (1) dari Perlembagaan ;

“Brunei” atau “Negeri” bermakna Negeri Brunei Darussalam dan termasuk Kesultanan Brunei Darussalam dan Negara Brunei Darussalam dan juga termasuk pesisir laut ;

“rakyat Brunei atau warganegara Brunei” bermakna seseorang yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan Taraf Kebangsaan ;

“Ketua Hakim” bermakna Ketua Hakim Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam ;

“Ketua Pendaftar” bermakna Ketua Pendaftar Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam ;

“Jurutulis Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat itu ;

“Jurutulis Majlis Mesyuarat Negeri” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat itu ;

“Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat itu ;

“permulaan kuatkuasa”, digunakan berkenaan dengan sebarang undang-undang bertulis, bermakna tarikh undang-undang bertulis itu mula berjalan kuatkuasanya ;

“common law” bermakna common law England ;

“Komanwel” bermakna negara-negara yang merupakan anggota-anggota Komanwel yang merdeka dan wilayah-wilayah yang perhubungan antarabangsanya adalah seluruhnya atau sebahagiannya tanggungjawab mana-mana negara itu ;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Negara Brunei Darussalam ;

“pegawai konsul” bermakna konsul agung, konsul, timbalan konsul, wakil konsul, dan mana-mana orang yang pada masa itu diberi kuasa untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan konsul agung, konsul atau timbalan konsul ;

“pesisir laut” bermakna kawasan dasar laut dan tanah bawahnya di bawah laut lepas bersempadan dengan perairan wilayah ;

“melanggar”, berhubung dengan sebarang kehendak atau syarat yang ditetapkan dalam sebarang undang-undang bertulis, atau dalam sebarang permit, lesen atau autoriti yang diberikan di bawah sebarang undang-undang bertulis, termasuk kegagalan untuk mematuhi kehendak atau syarat itu ;

“Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” bermakna Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri juga dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet yang ditubuhkan menurut bab 10 dari Perlembagaan ;

“Jemaah Pemangku Raja” bermakna Jemaah Pemangku Raja yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 13 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959 ;

“Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja” bermakna Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 6 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959 ;

“Mahkamah Rayuan” bermakna Mahkamah Rayuan Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam ;

“takrifan” bermakna tafsiran yang diberikan oleh sebarang undang-undang bertulis kepada perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan ;

“wilayah tanggungan Komanwel” bermakna mana-mana wilayah yang perhubungan antarabangsa-nya adalah tanggungjawab mana-mana Anggota Komanwel ;

“Pegawai Daerah” bermakna pegawai yang bertugas mentadbir sesuatu daerah ;

“Undang-Undang” bermakna suatu undang-undang yang diperbuat oleh badan perundangan dan termasuk suatu Undang-Undang jika ia diperbuat sebelum tarikh mula berjalan kuatkuasanya Bahagian-Bahagian VI dan VII dari Perlembagaan ;

Dengan syarat bahawa —

(a) dalam perundangan tambahan, suatu sebutan kepada “Undang-Undang” hendaklah dibaca sebagai bermakna Undang-Undang yang di bawah kuasanya perundangan itu dibuat ; dan

(b) suatu sebutan dalam sebarang Undang-Undang kepada “Undang-Undang Utama” hendaklah dibaca sebagai bermakna Undang-Undang yang diisytiharkan dengan gelaran panjang Undang-Undang yang mula-mula disebutkan itu adalah dipinda .

Sebarang Undang-Undang boleh digelar sebagai “Akta” ;

“eksport” bermakna membawa keluar atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam ;

“tahun kewangan” bermakna 12 bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember dalam sebarang tahun ;

“*Warta*” atau “*Warta Kerajaan*” bermakna *Warta* yang disiarkan dengan perintah Kerajaan, dan termasuk Bahagian-Bahagiannya, sebarang Tambahan kepadanya atau sebarang *Warta* Istimewa yang diisiarkan demikian ;

“Kerajaan” bermakna Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ;

“Pencetak Kerajaan” bermakna Pengarah Percetakan dan termasuk mana-mana pencetak yang diberi kuasa untuk mencetak Akta-Akta, Undang-Undang dan dokumen-dokumen lain Kerajaan ;

“Her Britannic Majesty” dan “Queen” bermakna Baginda Queen dan Turun-Temurunnya, mengikut sebutan dan gelaran sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Akta Gelaran Diraja 1953 ;

“Mahkamah Tinggi” bermakna Mahkamah Tinggi Mahkamah Besar ;

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dan “Sultan” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ;

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk Jemaah Pemangku Raja dan, setakat mana seorang Timbalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diberi kuasa untuk bertindak, Timbalan itu ;

“kanak-kanak” atau “orang yang belum cukup umur” bermakna seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun ;

“suratcara” termasuk sebarang penyiaran dalam *Warta Kerajaan*, sama ada atau tidak penyiaran itu semata-mata bermaksud untuk menyiarlu suatu perbuatan yang dilakukan atau berlakunya suatu hal atau kejadian, ataupun dengan cara lain menyampaikan atau bermaksud untuk menyampaikan mak-lumat ;

“Hakim” bermakna salah seorang Hakim Mahkamah Besar dan termasuk Ketua Hakim ;

“Majlis Mesyuarat Negeri” bermakna Majlis Mesyuarat Negeri yang ditubuhkan oleh bab 23 dari Perlembagaan ;

“badan perundangan” bermakna pihak berkuasa yang layak membuat Akta-Akta dan Undang-Undang bagi Negara Brunei Darussalam ;

“majistret” bermakna seseorang yang dilantik sebagai majistret di bawah peruntukan-peruntukan Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah atau di bawah sebarang undang-undang bertulis ;

Penggal 6

“lelaki” bermakna seorang lelaki berapa pun umurnya ;

“Anggota Komanwel” bermakna mana-mana negara Komanwel yang merdeka ;

“Menteri” bermakna orang yang dilantik di bawah peruntukan-peruntukan ceraian (4) bab 4 dari Perlembagaan ;

“bulan” bermakna bulan kalendar ;

“harta alih” bermakna harta apapun jenisnya kecuali harta tak alih ;

Penggal 57

“Lembaga Bandaran” bermakna suatu Lembaga Bandaran yang ditubuhkan di bawah ceraian (2) bab 3 dari Akta Lembaga-Lembaga Bandaran ;

“notis” dan “kenyataan” mempunyai makna yang sama ;

“sumpah”, “bersumpah” atau “afidavit” termasuk ikrar, pengakuan, berikrar dan mengaku dalam hal orang-orang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk membuat ikrar atau mengaku sebagai ganti bersumpah ;

“kesalahan” bermakna sebarang perbuatan yang boleh dihukum di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam ;

“atau”, “lain” atau “dengan cara lain” hendaklah ditarikhkan untuk menunjukkan perbezaan dan bukannya sebagai menunjukkan persamaan, melainkan jika perkataan “sama” atau sesuatu perkataan lain yang sama maknanya ditambah ;

“Perintah dalam Majlis Mesyuarat” bermakna suatu Perintah yang dibuat oleh Baginda Queen dalam Majlis Mesyuarat Diraja ;

“Parlimen” atau “Parlimen Imperial” bermakna Parlimen United Kingdom ;

“orang” atau “pihak” termasuk sebarang syarikat atau persatuan atau kumpulan orang, diperbadankan atau tidak ; dan tafsiran ini hendaklah dikenakan dengan tidak menghiraukan bahawa perkataan “orang” terdapat dalam suatu peruntukan yang mengwujudkan atau berkenaan dengan suatu kesalahan atau bagi mendapatkan kembali sebarang denda atau pampasan ;

“pegawai polis” bermakna mana-mana anggota pasukan polis Negara Brunei Darussalam, dan istilah-istilah atau ungkapan-ungkapan yang merujuk kepada pangkat dalam pasukan polis hendaklah masing-masing mempunyai makna yang ditentukan kepada danya oleh Akta Pasukan Polis Diraja Brunei ;

Penggal 50

“kuasa” termasuk keistimewaan, autoriti dan budi-bicara ;

“ditetapkan” atau “dipersyaratkan”, apabila digunakan berkenaan dengan sebarang undang-undang bertulis, bermakna ditetapkan atau dipersyaratkan oleh atau di bawah undang-undang bertulis itu, atau oleh atau di bawah sebarang perundangan tambahan atau suratcara yang dibenarkan di bawahnya ;

“penjara” termasuk sebarang tempat atau bangunan atau bahagian bangunan yang diasingkan atau diasingkan kemudianya bagi maksud penjara di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan penjara ;

“Majlis Mesyuarat Diraja” bermakna Majlis Mesyuarat Diraja yang ditubuhkan oleh ceraian (1) bab 5 dari Perlembagaan ;

“Perisyiharan” termasuk suatu Perisyiharan yang dibuat oleh atau di bawah kuasa Komander Tentera semasa tempoh Pentadbiran Tentera British ;

“harta” termasuk —

(a) wang, barang-barang, hak dalam tindakan, tanah dan segala jenis harta, sama ada harta alih atau harta tak alih ; dan

(b) obligasi, easement dan segala jenis harta pesaka, bunga dan keuntungan, masa kini atau masa depan, terletak hak atau bergantung, yang berbangkit dari, atau bersampingan dengan, sebarang harta sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan (a) ;

“orang ramai” termasuk sebarang golongan orang ramai, atau sebarang kaum ;

“badan awam” bermakna sebarang majlis eksekutif atau legislatif, sebarang jabatan atau perusahaan Kerajaan, sebarang pihak berkuasa atau perusahaan tempatan atau awam, sebarang lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan lain, sama ada bergaji atau tidak, yang diberi, atau melaksanakan, sama ada secara tetap atau sementara, kewajipan-kewajipan yang bersifat awam ;

“hari kelepasan awam” bermakna sebarang hari yang diisytiharkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai hari kelepasan awam, atau yang diisyitiharkan hari kelepasan awam, dengan Perisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau yang di bawah sebarang undang-undang bertulis lain adalah dianggap sebagai hari kelepasan awam di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya ;

“kenyataan awam” termasuk suatu kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* ;

“jawatan awam” bermakna sebarang jawatan bergaji di bawah Kerajaan ;

“pegawai awam” atau “kakitangan awam” bermakna mana-mana orang yang memegang sebarang jawatan atau menunaikan kewajipan sebarang jawatan awam dan mana-mana pekerja atau ahli suatu badan awam, sama ada sementara atau tetap dan sama ada bergaji atau tidak ;

“tempat awam” termasuk tiap-tiap lebuhraya awam, jalan, jalan raya, medan, lapangan, jalan kecil, lorong, laluan sempit, kaki lima, tempat bersiar-siar, dermaga, jeti, pelabuhan, jambatan, taman awam atau tempat lapang, dan tiap-tiap pawagam, tempat hiburan awam apa pun jenisnya atau tempat peranginan

am yang lain, di mana untuk memasukinya diperolehi dengan bayaran, atau di mana orang ramai mempunyai akses ;

“Pemangku Raja” bermakna Pemangku Raja yang sempurna dilantik di bawah ceraian (1) bab 13 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959 ;

“berdaftar”, digunakan berkenaan dengan suatu dokumen, bermakna berdaftar di bawah peruntukan undang-undang bertulis yang boleh dikenakan kepada pendaftaran dokumen itu ;

“Pendaftar” bermakna Ketua Pendaftar atau Pendaf tar Mahkamah Besar, dan termasuk Timbalan atau Penolong Pendaftar ;

“peraturan-peraturan” termasuk aturan-aturan, aturan-aturan mahkamah dan undang-undang kecil ;

“Majlis Ugama Islam” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ;

Penggal 77

“memansuh” termasuk menolak, membatal, menghapus atau mengganti ;

“aturan-aturan mahkamah” bermakna, apabila digunakan berkenaan dengan mana-mana mahkamah, aturan-aturan yang dibuat dengan autoriti yang pada masa itu mempunyai kuasa untuk membuat aturan-aturan dan perintah-perintah yang mengatur amalan dan prosedur mahkamah itu ;

“Mohor” atau “Mohor Kerajaan” bermakna Mohor Negeri yang disebutkan dalam bab 79 dari Perlembagaan ;

“menjual” termasuk pertukaran dan tukar barang ;

“kapal” termasuk setiap jenis vesel yang digunakan dalam pelayaran, tidak semata-mata digerakkan dengan dayung atau pengayuh ;

“tandatangan” termasuk, dalam hal seseorang yang tidak boleh menulis, pembuatan suatu tanda atau pembubuhan cap jari atau cap ;

“waktu standard” bermakna 8 jam lebih cepat dari waktu min Greenwich atau tempoh lain lebih cepat dari waktu min Greenwich sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* ;

“pengakuan berkanun”, jika dibuat —

Penggal 12

(a) di Negara Brunei Darussalam, bermakna suatu pengakuan di bawah Akta Pengakuan Berkanun ;

(b) di mana-mana bahagian Komanwel kecuali Negara Brunei Darussalam, bermakna suatu pengakuan yang dibuat di hadapan jaksa pendamai, notari awam atau orang lain yang mempunyai kuasa di dalamnya di bawah sebarang peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu di bahagian Komanwel itu untuk mengambil atau menerima suatu pengakuan ; dan

(c) di mana-mana tempat lain, bermakna suatu pengakuan di hadapan Konsul Negara Brunei Darussalam ;

“jalan” atau “jalan raya” termasuk sebarang lebuhraya, jalan, jalan raya, jambatan, jalan besar, tempat bersiar-siar, medan, lapangan, jalan kecil, lorong, jalan sempit, kaki lima, laluan atau tempat lapang sama ada terletak di atas tanah yang disewa daripada Kerajaan atau tidak, yang digunakan atau selalu dikunjungi oleh orang ramai, atau di mana orang ramai mempunyai, atau dibenarkan mendapat, akses ;

“perundangan tambahan” bermakna sebarang peraturan, Perintah, Perisy蒂haran atau suratcara lain yang dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis dan mempunyai kuatkuasa perundangan ;

“Mahkamah Besar” bermakna Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Akta Mahkamah Besar ;

Penggal 5

“perairan wilayah” bermakna bahagian laut yang bersempadan dengan pantai Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Laut Wilayah Negara Brunei Darussalam dan sempadan-sempadannya dinyatakan dengan lebih khusus dalam peta yang disiarkan menurut bab 3 dan diberitahu dalam *Warta Kerajaan* ;

Penggal 138

“triti” bermakna suatu triti, konvensyen atau perjanjian yang dibuat dengan sesebuah negara asing, berserta dengan protokol atau perisy蒂haran yang dilampirkan kepadanya, atau berasingan mengenainya tetapi merujuk kepadanya ;

“wilayah amanah” bermakna suatu wilayah yang ditadbir oleh Kerajaan mana-mana bahagian dominion Baginda Queen di bawah sistem peramanahan Bangsa-Bangsa Bersatu ;

“United Kingdom” bermakna United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland ;

“perairan Negeri”, “perairan kepunyaan Negeri”, “perairan Negara Brunei Darussalam” atau “perairan kepunyaan Negara Brunei Darussalam” bermakna semua perairan, sama ada boleh dilalui atau tidak, yang termasuk di dalam Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dianggap termasuk perairan wilayah ;

“wasiat” termasuk sebarang suratcara perwasiatan ;

“perkataan-perkataan” termasuk angka-angka dan lambang-lambang ;

“tulisan” atau “cetakan” termasuk tulisan, cetakan, litografi, fotografi, tulisan taip, dan segala cara lain bagi menyatakan perkataan-perkataan atau angka-angka dalam bentuk yang boleh dilihat ; tetapi, dalam hal buku, “cetakan” tidak termasuk tulisan atau taipan. Tiada sebarang apapun dalam takrifan ini boleh dikira sebagai dikenakan kepada tandatangan ;

“undang-undang bertulis” termasuk semua Akta, Undang-Undang dan Perisyiharan, dan perundangan tambahan, atau mana-mana bahagiannya, tetapi tidak termasuk sebarang Akta Parlimen atau sebarang Perintah Baginda Queen dalam Majlis Mesyuarat, Kurnia Diraja atau Warkah-Warkah Diraja atau sebarang undang-undang yang tiada pihak berkuasa di Negara Brunei Darussalam diberi kuasa untuk memindanya ;

“tahun” bermakna suatu tahun mengikut kalender Gregory ;

“tahun umur” atau perkataan-perkataan yang sama maknanya, apabila digunakan berkenaan dengan umur mana-mana orang, bermakna tahun mengikut perkiraan Inggeris.

**Takrifan**

(2) Apabila suatu takrifan telah diberikan oleh undang-undang bertulis ini atau sebarang undang-undang bertulis lain kepada perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan, maka takrifan itu, dan segala perubahan nahu dan ungkapan seasalnya, hendaklah, melainkan jika terdapat sesuatu dalam subjek atau konteksnya berlawanan dengan pengertian tersebut, dengan itu mempunyai makna yang ditentukan kepadanya apabila ia digunakan dalam undang-undang bertulis itu atau dalam sebarang perundangan tambahan yang dibuat di bawahnya.

**Sebutan kepada harta Kerajaan**

(3) Apabila sebarang sebutan dibuat kepada harta dan ungkapan-ungkapan yang digunakan berkenaan dengannya boleh difahamkan bahawa harta itu dimiliki oleh, atau kepunyaan, Kerajaan, atau membawa makna yang sama, maka

sebutan itu hendaklah dianggap berkenaan dengan harta dari perihalan yang disebutkan sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh, atau dengan persetujuan, pihak berkuasa yang layak, nyata atau tersirat, untuk kegunaan Kerajaan.

(4) (a) Perkataan-perkataan yang bermaksud jantina lelaki termasuk perempuan.

(b) Perkataan-perkataan dalam bilangan tunggal termasuk bilangan jamak dan perkataan-perkataan dalam bilangan jamak termasuk bilangan tunggal.

(5) Apabila sebarang undang-undang bertulis memberarkan atau menghendaki supaya sebarang dokumen disampaikan dengan pos, sama ada ungkapan "menyampai-kan", "memberikan" atau "mengirimkan", atau sebarang ungkapan lain, digunakan, maka penyampaian itu hendaklah dianggap dilakukan dengan mengalamatkan dengan betul, membayar dahulu dan mengepos suatu surat yang mengan- dungi dokumen itu dan, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, telah dilakukan pada masa surat itu akan diserahkan dalam perjalanan biasa pos.

Peruntukan-  
peruntukan  
bagi  
jantina dan  
bilangan

Makna  
menyampai-  
kan  
dengan pos

(6) (a) Apabila sebarang ungkapan waktu terdapat dalam sebarang undang-undang bertulis atau surat-cara, waktu yang disebutkan itu hendaklah dianggap sebagai waktu standard.

Sebutan  
kepada waktu

(b) Ungkapan "a.m." menunjukkan tempoh antara tengah malam dan tengah hari berikutnya ; dan ungkapan "p.m." menunjukkan tempoh antara tengah hari dan tengah malam berikutnya ; dan jika kedua-dua ungkapan itu terdapat bersambung-sambung berkenaan dengan sebarang waktu tertentu, atau bersambung dengan perkataan-perkataan "matahari terbenam" atau "matahari terbit", maka ia hendaklah ditafsirkan sebagai berkaitan dengan tempoh waktu yang berturut-turut.

a.m. dan p.m.

Sultan

(7) Sebutan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Sultan pada masa itu ; dan dalam Akta ini dan dalam setiap undang-undang bertulis lain, sama ada diluluskan sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Akta ini, sebutan-sebutan kepada Sultan yang memerintah pada masa Akta itu diluluskan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan kepada Sultan pada masa itu.

Negeri-Negeri Selat

(8) Sebutan kepada Negeri-Negeri Selat atau Jajahan Singapura atau Negeri Singapura atau Singapura hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Republik Singapura.

Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu, Malaya atau Persekutuan

(9) Sebutan kepada Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya, Malayan Union atau Persekutuan, Malaya atau Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Persekutuan Malaysia.

Sarawak dan Borneo Utara

(10) Sebutan kepada Tanah Jajahan Sarawak atau Tanah Jajahan Borneo Utara atau Sarawak atau Borneo Utara hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Negeri Sarawak atau Negeri Sabah masing-masing.

Menggelar semula nama jawatan atau pegawai awam

(11) Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarahkan dengan kenyataan yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* supaya gelaran sebarang jawatan awam, atau seorang pegawai atau lebih yang memegang jawatan awam yang sama, ditukar, suatu sebutan kepada jawatan, pegawai atau pegawai-pegawai itu dalam sebarang undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada jawatan, pegawai atau pegawai-pegawai yang diberi gelaran semula itu.

Pegawai-pegawai awam

(12) Jika suatu sebutan dibuat dalam sebarang undang-undang bertulis kepada mana-mana pegawai awam atas nama jawatannya, maka nama itu hendaklah termasuk pegawai yang pada masa itu menunaikan tugas-tugas jawatan itu.

(13) Sebarang perkataan atau ungkapan yang menunjukkan jarak hendaklah menunjukkan jarak yang diukur dalam suatu garisan lurus di atas suatu permukaan yang mendatar.

Ungkapan yang menunjukkan jarak

(14) Bagi mengira suatu tempoh hari dari berlakunya suatu kejadian atau dari melakukan sebarang perbuatan atau perkara, maka hendaklah dikecualikan hari bila kejadian itu berlaku atau bila perbuatan atau perkara itu dilakukan, dan jika tempoh itu kurang dari 6 hari, sebarang hari kelepasan awam di dalam tempoh itu.

Pengiraan hari

(15) Suatu perbuatan atau perkara yang ditetapkan hendaklah, jika tiada masa ditetapkan, dilakukan dengan seberapa segera yang boleh, dan setiap kali perkara yang ditetapkan itu berlaku.

Peruntukan jika tiada masa di tetapkan

(16) Tiada undang-undang bertulis boleh mengikat Kerajaan melainkan jika terdapat dengan nyata atau dengan implikasi mustahak bahawa Kerajaan akan terikat dengannya.

Undang-Undang bertulis, bila mengikat Kerajaan

(17) Suatu sebutan dalam sebarang undang-undang bertulis kepada sebarang undang-undang lain hendaklah dianggap termasuk suatu sebutan kepada sebarang suratcara yang dibuat menurut undang-undang yang kepadanya sebutan dibuat.

Sebutan kepada suratcara di bawah Undang-Undang

(18) Apabila borang-borang ditetapkan di bawah sebarang undang-undang bertulis sedikit perbezaan darinya, yang tidak menjelaskan isinya atau tidak dikira mengelirukan, tidaklah menjadikan borang-borang itu terbatal.

Borang-borang

(19) Jika sebarang kuasa atau kewajipan terletak menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis di tangan pemegang sebarang jawatan awam dan sama ada —

Menjalankan kuasa-kuasa dalam hal-hal yang khas

(a) jawatan itu telah dihapuskan ; atau

- (b) tiada sesiapa pun dilantik untuk menunaikan tugas-tugas jawatan itu,

maka kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan itu boleh ditunaikan —

- (i) dalam hal membuat perundangan tambahan, oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat ; dan
- (ii) dalam sebarang hal lain, oleh pemegang jawatan awam lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*.

## BAHAGIAN II

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM BERKENAAN DENGAN AKTA DAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

Akta

**4.** Setiap Akta hendaklah suatu Akta awam dan hendaklah dengan yang demikian diiktiraf dari segi kehakiman.

Bab dan  
Jadual

**5.** (1) Setiap bab dari suatu Akta hendaklah mempunyai kuatkuasa sebagai Akta substantif tanpa perkataan-perkataan pengenal.

(2) Setiap Jadual, Daftar atau lampiran lain kepada sebarang undang-undang bertulis hendaklah berserta dengan sebarang catatan kapadanya ditafsirkan dan berkuatkuasa sebagai sebahagian daripadanya.

Cara  
menyebut  
Akta

**6.** Sebarang undang-undang bertulis boleh, bagi segala maksud, disebut dengan gelaran pendek :

Dengan syarat bahawa sebarang Akta boleh juga disebut dengan bilangannya antara Akta-Akta dalam tahun ia dibuat, atau dengan sebarang bilangan penggal yang diberikan secara sah kepadanya.

7. (1) Jika, dalam sebarang Akta, terdapat suatu sebutan kepada suatu bab, Bahagian, Penggal atau Jadual dengan bilangan atau huruf sahaja, dan tidak berhubungan dengan gelaran atau bilangan siri suatu Akta maka sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada bab, Bahagian, Penggal atau Jadual bagi bilangan atau huruf itu yang terkandung dalam Akta di mana sebutan itu terdapat.

Pengertian  
sebutan  
kepada bab,  
dsb., dalam  
suatu Akta

(2) Jika, dalam sebarang bab dari sebarang Akta terdapat suatu sebutan kepada suatu ceraian, perenggan atau perenggan kecil dengan bilangan atau huruf sahaja, dan tidak berhubungan dengan bilangan sebarang bab dari Akta itu atau sebarang Akta lain, maka sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada ceraian, perenggan, atau perenggan kecil bagi bilangan atau huruf itu yang terkandung dalam bab di mana sebutan itu terdapat.

Pengertian  
sebutan  
kepada  
ceraian dan  
perenggan  
dalam  
suatu bab

(3) Bab ini hendaklah dikenakan dengan pengubah-suaian-pengubahsuaian yang bersesuaian kepada undang-undang bertulis lain, dan kepada suratcara-suratcara yang dikeluarkan di bawahnya atau menurutnya.

Pengertian  
hendaklah  
dikenakan  
kepada  
undang-  
undang  
bertulis  
lain

(4) Bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada nota tepi yang terkandung dalam suatu Akta yang meminda, atau dalam sebarang undang-undang bertulis yang meminda undang-undang bertulis lain ; dan, dalam hal itu, sebutan-sebutan kepada suatu Bahagian, bab atau pembahagian lain yang tidak mengandungi suatu sebutan kepada undang-undang bertulis di mana Bahagian bab atau pembahagian lain itu merupakan sebahagian daripadanya hendaklah dianggap sebagai merujuk kepada Akta Utama atau undang-undang bertulis lain yang dipinda.

Peruntukan  
khas bagi  
nota tepi

Mula  
berkuat-  
kuasa  
undang-  
undang  
bertulis

**8.** (1) Sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan mula berkuatkuasa pada suatu hari tertentu hendaklah mula berkuatkuasa pada tamat tempoh hari sebelumnya.

(2) Ceraian (1) hendaklah dikenakan juga kepada hari yang diisyiharkan, diberitahu ataupun dengan cara lain ditetapkan sebagai hari yang mulai darinya sebarang undang-undang bertulis hendaklah mula berkuatkuasa ; dan ungkapan "dengan cara lain ditetapkan" hendaklah termasuk peruntukan-peruntukan bagi permulaan kuatkuasa yang dibuat menurut bab-bab 16 dan 18.

Kesan  
Pemansuhan  
dan  
penggantian-  
nya

**9.** (1) Apabila sebarang undang-undang bertulis memansuhkan sebarang undang-undang bertulis yang terdahulu dan menggantikannya dengan peruntukan-peruntukan lain, maka undang-undang bertulis yang dimansuhkan itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga peruntukan-peruntukan yang digantikan itu mula berkuatkuasa.

(2) Apabila sebarang undang-undang bertulis diisyiharkan akan dibuat dengan cara penggantian, atau menggantikannya dengan yang lain, atau memperbaik semula yang lain, dengan atau tanpa pengubahsuaian, perundangan tambahan dan suratcara-suratcara yang dibuat atau ditetapkan oleh atau di bawah undang-undang bertulis yang terdahulu hendaklah terus berkuatkuasa setakat yang ia tidak berlawanan dengan undang-undang bertulis yang kemudian itu, atau sebarang suratcara yang dibuat dan ditetapkan di bawahnya, dan hendaklah dianggap bagi segala maksud, termasuk hukuman-hukuman, telah dibuat atau ditetapkan olehnya dan boleh dipinda olehnya atau di bawahnya.

Kesan  
pemansuhan  
secara am

**10.** Pemansuhan sebarang undang-undang bertulis hendaklah tidak —

(a) menghidupkan semula apa-apa jua yang tidak berkuatkuasa atau tidak ada pada masa pemansuhan itu berkuatkuasa ;

- (b) menyentuh kuatkuasa terdahulu sebarang undang-undang bertulis yang dimansuhkan demikian, atau apa-apa jua yang sempurna dilakukan atau ditanggung di bawah sebarang undang-undang bertulis yang dimansuhkan demikian ;
- (c) menyentuh sebarang hak, kuasa, obligasi, sekatan atau liabiliti yang diperolehi, terakru, dikenakan atau dilakukan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang dimansuhkan demikian ;
- (d) menyentuh sebarang penalti, perlucutahkan atau hukuman yang dikenakan berkaitan dengan sebarang kesalahan yang dilakukan terhadap sebarang undang-undang bertulis yang dimansuhkan demikian ; atau
- (e) menyentuh sebarang penyiasatan, perbicaraan di sisi undang-undang atau remedи berkaitan dengan sebarang hak, kuasa, obligasi, sekatan, liabiliti, penalti, perlucutahkan atau hukuman sebagaimana yang disebutkan di atas ; dan sebarang penyiasatan, perbicaraan di sisi undang-undang atau remedи itu boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan, dan sebarang sekatan, liabiliti, penalti, perlucutahkan atau hukuman itu boleh dikenakan, seolah-olah undang-undang bertulis yang memansuhkan itu belum diluluskan.

**11.** Apabila sebarang undang-undang bertulis yang memansuhkan sebarang undang-undang bertulis yang terdahulu dimansuhkan dengan sendirinya, maka pemansuhan yang terakhir itu hendaklah tidak ditafsirkan sebagai menghidupkan semula undang-undang bertulis yang dimansuhkan dahulunya.

Had  
pemansuhan

Undang-  
undang  
bertulis  
hendaklah  
dibaca  
bersama  
dengan  
undang-  
undang  
bertulis  
yang  
dipindanya

Perundangan  
tambahan :  
Kuasa-  
kuasa yang  
termasuk  
dalam  
kuasa  
untuk  
membuat  
perundangan  
tambahan

**12.** (1) Sebarang undang-undang bertulis yang meminda undang-undang bertulis yang lain hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan undang-undang bertulis yang dipinda demikian.

(2) suatu sebutan dalam sebarang undang-undang bertulis kepada peruntukan undang-undang bertulis yang lain hendaklah termasuk suatu sebutan kepada sebarang undang-undang bertulis yang meminda undang-undang bertulis lain itu, atau mengantikannya dengan atau tanpa pengubahsuai-an.

### BAHAGIAN III

#### PERUNDANGAN TAMBAHAN DAN SURATCARA

**13.** Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan kepada perundangan tambahan —

(a) Kuasa untuk membuat perundangan tambahan hendaklah termasuk —

(i) kuasa untuk mempersyaratkan bahawa suatu perlanggarannya boleh dikenakan hukuman penjara bagi tempoh, yang tidak melebihi dari 6 bulan, atau denda yang tidak melebihi dari \$10,000, atau kedua-duanya sekali denda dan penjara, sebagaimana yang mungkin diisyaratkan dalam perundangan tambahan itu ;

(ii) kuasa untuk meminda sebarang borang yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis yang di bawahnya perundangan tambahan itu dibuat ; dan

(iii) kuasa untuk menetapkan borang-borang baru bagi maksud undang-undang bertulis dan bagi maksud perundangan tambahan ;

(b) kuasa untuk mempersyaratkan bayaran dan caj hendaklah termasuk kuasa untuk mempersyaratkan pengurangan, penepian atau pengembaliamnya, sama ada secara am atau dalam sebarang kejadian atau kes tertentu, atau jenis kes, atau atas budibicara mana-mana orang ;

Termasuk pengurangan bayaran, dsb.

(c) perundangan tambahan hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan yang sama dan hendaklah mengikat dan hendaklah ditafsirkan bagi segala maksud seolah-olah ia terkandung dalam undang-undang bertulis yang di bawahnya ia dibuat ;

(d) apabila sebarang undang-undang bertulis mempersyaratkan bahawa perundangan tambahan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri atau mana-mana pihak berkuasa lain, atau mengandungi perkataan-perkataan yang sama maksudnya, maka —

Jika perundangan tambahan menghendaki kelulusan

- (i) perundangan tambahan itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa itu ;
- (ii) pihak berkuasa itu hendaklah mempunyai kuasa untuk meminda atau tidak meluluskan keseluruhan atau mana-mana bahagian perundangan tambahan itu, dan boleh, jika ia tidak meluluskan sama ada seluruhnya atau sebahagianya, menghendaki supaya perundangan tambahan yang selanjutnya dikemukakan untuk kelulusan ;
- (iii) suatu pernyataan oleh pihak berkuasa yang meluluskan, yang dikatakan dibuat di bawah peruntukan undang-undang bertulis itu di mana kelulusan adalah dikehendaki, bahawa perundangan tambahan tertentu telah dibuat dengan

kelulusan pihak berkuasa itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan bahawa perundangan tambahan itu telah sempurna dibuat dan kelulusan yang dikehendaki itu sempurna diperolehi ;

- (iv) peruntukan-peruntukan perenggan kecil (iii) hendaklah dikenakan sama ada atau tidak kuasa untuk meminda yang diberikan oleh perenggan kecil (ii) telah dijalankan dan, jika pernyataan itu terdapat dalam suatu penyiaran yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis itu, sama ada atau tidak penyiaran telah dibuat dalam *Warta Kerajaan*, dan tidaklah perlu untuk menyatakan dalam hal mana, jika ada, perundangan tambahan yang dikemukakan pada mula itu telah dipinda ; dan
  - (v) ungkapan “pihak berkuasa yang meluluskan” hendaklah termasuk seseorang yang diberi kuasa oleh bab 17 atau pun dengan cara lain untuk menyatakan bagi mewakili pihak berkuasa itu bahawa kelulusannya telah diberikan ; dan ungkapan “orang yang diberi kuasa untuk membuat perundangan tambahan” hendaklah termasuk manapun orang yang diberi kuasa untuk menyatakan perjalanan kuasa untuk membuat perundangan tambahan terletak di tangan orang yang mula-mula disebutkan itu ;
- (e) kuasa untuk membuat perundangan tambahan bagi sebarang maksud am, dan juga bagi sebarang maksud khas yang bersampingan dengannya, hendaklah tidak ditafsirkan bagi mengurangkan kuasa-kuasa yang diberikan berhubung dengan maksud am ;

Kuasa untuk  
membuat  
perundangan  
tambahan  
bagi maksud  
maksud khas  
dan juga am

(f) suatu sebutan dalam suatu undang-undang bertulis kepada undang-undang bertulis lain hendaklah termasuk sebutan kepada sebarang perundangan tambahan yang dibuat di bawahnya.

Sebutan kepada undang-undang bertulis termasuk sebutan kepada perundangan di bawahnya

**14.** (1) Suatu peruntukan dalam sebarang undang-undang bertulis yang bermaksud bahawa sebarang kemungkirian atau pelanggaran perundangan tambahan yang dibuat atau dianggap dibuat, atau berkuatkuasa, menurut undang-undang bertulis itu hendaklah menjadi suatu kesalahan, atau yang menetapkan hukuman kerana kemungkirian atau pelanggaran perundangan tambahan itu, hendaklah dianggap termasuk kuasa untuk menetapkan menurut perundangan tambahan itu bahawa pelanggaran sebarang peruntukan tertentu di dalamnya hendaklah atau hendaklah tidak menjadi suatu kesalahan, dan termasuk kuasa untuk menetapkan menurut perundangan tambahan itu hukuman baginya yang tidak melebihi dari yang ditetapkan demikian dalam undang-undang bertulis itu kerana kemungkirian atau pelanggaran perundangan tambahan itu :

Pengertian peruntukan hukuman am dengan perundangan tambahan

Dengan syarat bahawa, kecuali setakat kuasa yang dianggap oleh ceraian ini dimasukkan dalam peruntukan itu diajukan, maka peruntukan itu hendaklah ditafsirkan dan berkuatkuasa seolah-olah tiada kuasa itu telah diberikan.

(2) Dengan tidak menghiraukan bab 2 —

(a) bab ini hendaklah dikenakan kepada sebarang undang-undang bertulis yang mula berkuatkuasa sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini, dengan tidak menghiraukan sebarang ungkapan yang berlawanan dalam undang-undang bertulis itu ; dan

Takat kuasa untuk membuat perundangan tambahan atau suratcara atau melaksanakan perbuatan-perbuatan yang serupa sifatnya

(b) bab ini hendaklah dikenakan kepada sebarang undang-undang bertulis yang mula berkuatkuasa selepas permulaan kuatkuasa Akta ini melainkan jika kuatkuasa bab ini dikecualikan dengan nyata.

**15.** Apabila menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis kuasa diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, mana-mana pegawai atau badan awam atau mana-mana pihak berkuasa lain (dalam bab ini disebut sebagai “pihak berkuasa yang diberi kuasa”) untuk membuat perundangan tambahan, atau untuk membuat, mengeluarkan atau meluluskan sebarang Perintah, Perisyiharan, suratcara, penetapan, arahan, suruhan, kenyataan, daftar atau senarai, ia hendaklah termasuk kuasa meminda atau menggantung perundangan tambahan, Perintah, Perisyiharan, suratcara, penetapan, arahan, suruhan, kenyataan, daftar atau senarai itu, atau menarik balik kelulusannya, mengikut cara yang sama sebagaimana ia dibuat, diluluskan atau dikeluarkan, dan hendaklah termasuk kuasa menetapkan tarikh (termasuk suatu tarikh sebelum tarikh ia ditetapkan) yang mulai dari tarikh itu ia hendaklah berkuatkuasa atau dianggap telah berkuatkuasa, dan tempoh kuatkuasanya, dan kuasa menggantikannya dengan yang lain :

Dengan syarat bahawa —

(a) kuasa menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa hendaklah tidak dianggap termasuk kuasa untuk menentukan suatu tarikh permulaan kuatkuasa sebelum permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis yang memberi kuasa ; dan, jika, menurut kuasa itu, suatu tarikh permulaan kuatkuasa bagi sebarang perundangan tambahan ditentukan yang mana adalah sebelum tarikh penyiaran perundangan tambahan itu, tiada sesiapapun boleh didapat bersalah atas suatu kesalahan yang dilakukan sebelum tarikh penyiaran melainkan jika terbukti kepada mahkamah dengan mengambil tahu akan kesalahan itu bahawa orang itu

telah, pada masa dia melakukan perbuatan yang menjadi kesalahan yang dengannya dia dituduh, menyedari bahawa perbuatan itu adalah menjadi suatu kesalahan di bawah perundangan tambahan itu ;

(b) jika sebarang Akta mula berkuatkuasa pada suatu hari yang akan ditetapkan dengan Perisyiharan, kenyataan atau suratcara lain, kuasa untuk mengeluarkan Perisyiharan, kenyataan atau suratcara lain itu hendaklah tidak termasuk, kecuali dalam hal, dan bagi maksud, membetulkan sebarang kesilapan di dalamnya, kuasa meminda atau mengantungnya ; dan

(c) jika pihak berkuasa yang diberi kuasa telah digantikan semuanya atau sebahagiannya dengan pihak berkuasa yang lain, maka kuasa yang diberikan ini kepada pihak berkuasa asal boleh dijalankan oleh pihak berkuasa lain itu, mengenai segala perkara atau hal yang ia diberi kuasa untuk melakukannya, seolah-olah ia adalah pihak berkuasa asal.

**16.** (1) Kuasa untuk membuat perundangan tambahan hendaklah, melainkan jika cara lain bagi penyiarannya dibenarkan, dianggap termasuk suatu arahan untuk menyiarkannya dalam *Warta Kerajaan* dan, tanpa menyentuh peruntukan bab-bab 15 dan 18, suatu arahan bahawa ia hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penyiarannya.

Penyiaran

(2) Jika bentuk atau cara tertentu bagi penyiaran sebarang perundangan atau suratcara belum dipersyaratkan, maka, tanpa menyentuh ceraian (1) dan sebarang bentuk atau cara yang mungkin dianggap mencukupi, ia hendaklah dianggap sempurna disiarkan jika ia disiarkan mengikut bentuk atau cara sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Tanpa menyentuh ceraian (1), suatu peruntukan dalam sebarang undang-undang bertulis bahawa perundangan tambahan apapun perihalannya hendaklah dibuat atau disiarkan dalam *Warta Kerajaan* hendaklah tidak dianggap melarang pembuatan sebarang perundangan tambahan

itu melainkan dalam *Warta Kerajaan*; dan peruntukan itu hendaklah dianggap telah dipatuhi jika, setelah perundangan tambahan itu dibuat, hakikatnya bahawa perundangan tambahan itu telah dibuat, dan kandungannya, disiarkan, dengan pernyataan ataupun dengan cara lain, dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Tanpa menyentuh ceraian (6), ceraian (3) hendaklah dikenakan kepada suratcara yang bukan merupakan perundangan tambahan, dengan pengubahsuaian bahawa adalah mencukupi untuk menyiarkan maksudnya.

(5) Ungkapan “kenyataan dalam *Warta Kerajaan*” hendaklah tidak bermaksud suatu kewajipan untuk menyempurnakan sebarang suratcara rasmi atau untuk menggunakan sebarang perkataan yang menunjukkan kenyataan, tetapi hendaklah walaupun demikian bermaksud suatu arahan untuk melakukan penyiaran dalam *Warta Kerajaan* mengikut cara yang bersesuaian.

(6) Tiada sebarang apapun dalam takrifan “suratcara” yang dibaca bersama dengan bab ini boleh membawa maksud sama ada suatu kewajipan atau arahan untuk menyempurnakan sebarang suratcara rasmi, melainkan jika ia dikehendaki dengan cara lain, atau suatu arahan untuk menyiarkan fakta bahawa suatu suratcara telah dibuat, melainkan jika demikian halnya yang sebenar.

Pernyataan  
perintah  
Kebawah  
Duli  
Yang Maha  
Mulia atau  
Kebawah  
Duli  
Yang Maha  
Mulia  
Paduka  
Seri  
Baginda  
Sultan dan  
Yang  
Di-Pertuan  
dalam Majlis  
Mesyuarat

17. Apabila sebarang undang-undang bertulis memberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat kuasa untuk membuat perundangan tambahan, memberi sebarang arahan, atau mengeluarkan, sebarang perintah, membenarkan supaya sebarang hal atau perkara dilakukan, memberi sebarang pengecualian, meremit sebarang bayaran atau hukuman atau menjalankan sebarang kuasa lain, maka adalah mencukupi jika perjalanan kuasa itu dinyatakan, dalam hal Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dengan tandatangan mana-mana Menteri atau Setiausaha Tetap Pejabat Perdana Menteri, dan,

dalam hal Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, dengan tandatangan mana-mana Menteri atau Jurutulis Majlis Mesyuarat itu :

Dengan syarat bahawa peruntukan yang disebutkan di atas hendaklah tidak dikenakan kepada kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengeluarkan sebarang waran atau Perisyiharan, yang akan dibuat atau dikeluarkan hanya dengan tandatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

**17A.** Jika sebarang undang-undang bertulis memberikan kepada seseorang Menteri kuasa untuk membuat sebarang perundangan tambahan atau lantikan, memberi sebarang arahan, mengeluarkan sebarang perintah, membenarkan supaya sebarang hal atau perkara dilakukan, memberi sebarang pengecualian, meremit sebarang bayaran atau hukuman atau menjalankan sebarang kuasa lain, maka adalah mencukupi, melainkan jika dalam undang-undang bertulis itu diperlukan dengan cara lain, jika perjalanan kuasa itu oleh Menteri tersebut dinyatakan dengan tandatangan Setiausaha Tetap Kementerian di mana Menteri tersebut bertanggungjawab.

Pernyataan  
perintah,  
dsb.,  
seseorang  
Menteri

**17B.** Jika dalam sebarang undang-undang bertulis sebarang dokumen dikehendaki untuk ditandatangani atau ditandatangani balas oleh seseorang Menteri pada menjalankan sebarang kuasa yang diberikan olehnya, maka adalah mencukupi supaya dokumen itu di bawah tandatangan atau ditandatangani atau ditandatangani balas oleh Setiausaha Tetap Kementerian di mana Menteri tersebut bertanggungjawab atau oleh mana-mana pegawai awam yang sempurna diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri tersebut.

Menanda-  
tangani  
dokumen

Menjalankan kuasa-kuasa berkanun di antara pembuatan undang-undang dan permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis

- 18.** Apabila sebarang undang-undang bertulis yang belum berjalan kuatkuasanya sebaik sahaja diluluskan memberikan kuasa untuk membuat perundangan tambahan, atau untuk mengeluarkan sebarang suratcara, atau menetapkan borang-borang, atau untuk melakukan sebarang perkara lain, bagi maksud undang-undang bertulis itu, maka kuasa itu boleh dijalankan pada bila-bila masa selepas undang-undang bertulis itu diluluskan setakat yang mungkin perlu atau mustahak bagi maksud menguatkuasakan undang-undang bertulis itu pada tarikh permulaan kuatkuasanya :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun yang terkandung dalam bab ini boleh dianggap membenarkan sebarang peruntukan bagi menguatkuasakan sebarang perundangan tambahan, suratcara, borang atau perkara itu sebelum permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis yang memberikan kuasa untuk membuat, mengeluarkan, menetapkan atau melakukannya ; dan, jika tiada tarikh dinyatakan yang mulai darinya sebarang perundangan tambahan, suratcara, borang atau perkara itu berkuatkuasa, maka ia hendaklah berkuatkuasa, mulai dari permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis itu.

#### BAHAGIAN IV

##### KUASA-KUASA DAN LANTIKAN-LANTIKAN

Pengertian peruntukan-peruntukan tentang perjalanan kuasa dan kewajipan

- 19.** (1) Apabila sebarang undang-undang bertulis memberikan suatu kuasa atau mengenakan suatu kewajipan, maka kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan dari masa ke semasa apabila keadaan menghendaki.
- (2) Apabila sebarang undang-undang bertulis memberikan suatu kuasa atau mengenakan suatu kewajipan kepada pemegang suatu jawatan sedemikian, maka, kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan oleh pemegang jawatan itu pada masa itu, atau oleh seseorang yang sempurna dilantik untuk bertindak bagi pihaknya atau untuk menjalankan kuasa itu atau menunaikan kewajipan itu.

**20.** Apabila sebarang undang-undang bertulis memberikan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa suatu kuasa untuk membuat lantikan ke sebarang jawatan atau tempat, maka kuasa itu hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kuasa untuk membuang atau menggantung kerja mana-mana orang yang dilantik itu dan untuk melantik orang lain secara sementara bagi menggantikan mana-mana orang yang digantung kerja itu, atau bagi menggantikan mana-mana pemegang jawatan atau tempat itu yang sakit atau tidak hadir :

Kuasa untuk  
melantik  
termasuk  
kuasa untuk  
membuang  
kerja

Dengan syarat bahawa, jika kuasa orang atau pihak berkuasa itu untuk membuat lantikan itu hanya boleh dijalankan atas sokongan atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan orang atau pihak berkuasa lain, maka kuasa membuang kerja itu hanya boleh dijalankan atas sokongan atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan orang atau pihak berkuasa lain itu.

**21. (1)** Apabila sebarang undang-undang bertulis, sama ada dengan nyata atau dengan implikasi mustahak, memberikan kepada mana-mana orang kuasa untuk melakukan atau menguatkuaskan sebarang perbuatan atau perkara yang dilakukan, maka segala kuasa itu hendaklah difahamkan sebagai juga diberikan sebagaimana yang diperlukan dengan munasabah untuk membolehkan orang itu melakukan atau menguatkuaskan perbuatan atau perkara yang dilakukan itu.

Pengertian  
perkataan-  
perkataan  
yang  
memboleh-  
kan

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna ceraian (1) —

(a) suatu kuasa untuk mempersyaratkan, mlarang, mengawal atau mengatur sebarang perkara termasuk kuasa untuk mempersyaratkannya dengan cara peleserannya dan kuasa untuk mlarang perbuatan-perbuatan di mana larangan, kawalan atau peraturan-peraturan yang menyentuh perkara itu boleh dielakkan ;

(b) suatu kuasa untuk memberikan suatu lesen, permit, autoriti, kebenaran atau pengecualian termasuk kuasa untuk mengenakan syarat-syarat yang munasabah yang tertakluk kepadanya lesen, permit, autoriti, kebenaran atau pengecualian itu boleh diberikan ;

(c) kuasa untuk membenarkan mana-mana orang atau perkara termasuk kuasa untuk menarik balik kebenarannya ; dan

(d) kuasa untuk memberikan arahan termasuk kuasa untuk melahirkannya dalam bentuk larangan.

(3) Tanpa menyentuh kluasan makna ceraian (1), apabila dalam sebarang undang-undang bertulis salah satu ungkapan yang berikut, iaitu, "sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia", atau "sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia", atau, "sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia", atau sebarang ungkapan yang sama, terdapat, dan tiada kuasa diberikan dengan nyata kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk membuat lantikan, memberi arahan atau membuat penetapan, atau mengikut mana yang berkenaan, maka kuasa itu hendaklah walaupun demikian dianggap sebagai diberikan dengan implikasi mustahak.

(4) Ceraian (3) hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, suatu badan awam, pegawai awam atau orang lain sebagaimana ia berkuatkuasa berkenaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan hendaklah berkuatkuasa berkaitan dengan sebarang suratcara atau perkara lain sebagaimana ia berkuatkuasa berkaitan dengan lantikan atau arahan.

(5) Tanpa menyentuh kluasan makna ceraian (1), apabila dalam sebarang undang-undang bertulis kuasa diberikan dengan nyata atau tersirat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis

Mesyuarat, suatu badan awam atau seseorang pegawai awam untuk membuat sebarang Perisyiharan, waran, Perintah, suratcara atau lantikan, atau untuk memberi sebarang arahan, kebenaran atau notis, dan adalah tidak nampak dengan nyata apakah kesan yang akan didapati dari sebarang pembuatan atau pemberian itu, maka suratcara atau dokumen yang dibuat atau disempurnakan menurut kuasa itu hendaklah, jika dibuat secara sah menepati dengan kuasa yang diberikan itu, berkuatkuasa walaupun demikian menurut maksudnya.

**22.** Apabila, menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis, kuasa diberikan untuk melantik atau menamakan seseorang supaya mempunyai dan menjalankan sebarang kuasa atau menunaikan sebarang kewajipan, maka kuasa itu boleh dijalankan secara sah sama ada dengan melantik seseorang atas nama, atau dengan mengarahkan bahawa orang yang pada masa itu memegang suatu jawatan yang ditetapkan hendaklah mempunyai dan menjalankan kuasa-kuasa itu dan menunaikan kewajipan-kewajipan itu.

Lantikan  
pegawai atas  
nama atau  
jawatan

**23.** Sebarang lantikan boleh diisytiharkan berkuatkuasa mulai dari tarikh bila orang yang dilantik itu sebenarnya mula menjalankan kuasa-kuasa dan menunaikan kewajipan-kewajipan lantikannya, bukannya suatu tarikh yang lebih awal dari permulaan kuatkuasa undang-undang bertulis yang di bawahnya lantikan itu dibuat.

Ditarikhkan  
pada tarikh  
lantikan

**24. (1)** Apabila, menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis, sebarang kuasa diberikan atau sebarang kewajipan dikenakan kepada seseorang pegawai awam, maka, jika, dalam sebarang tempoh, disebabkan oleh ketiadaan atau ketiadaupayaan untuk bertindak kerana sakit atau sebab lain, pegawai awam itu tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa atau melaksanakan kewajipan-kewajipan jawatannya di sebarang tempat di bawah bidang kuasa atau kawalannya, maka kuasa-kuasa itu hendaklah dipunyai dan boleh dijalankan, dan kewajipan-kewajipan itu hendaklah ditunaikan, di tempat itu oleh seseorang yang dinamakan dengan, atau oleh

Kuasa  
Menteri  
untuk  
memper-  
syaratkan  
pelak-  
sanaan  
kewajipan  
pegawai  
awam semasa  
ketiadaan  
atau ketiada-  
upayaan  
buat  
sementara

seseorang pegawai awam yang memegang jawatan yang ditegaskan dengan arahan Menteri, tertakluk kepada syarat-syarat, kecualian-kecualian dan kelayakan-kelayakan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri.

Sebarang arahan itu boleh diberikan sebelum berlakunya sebarang ketiadaan atau ketiadaupayaan, dalam hal itu ia hendaklah diberitahu oleh Menteri dalam *Warta Kerajaan* atau, jika diberikan berikutan engannya, boleh ditarikhkan pada tarikh bermulanya ketiadaupayaan atau ketiadaan itu, dan hendaklah diberitahu sebagaimana yang disebutkan di atas apabila tamatnya sebarang tempoh ketiadaan atau ketiadaupayaan.

(2) Apabila, menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis, sebarang kuasa diberikan, atau sebarang kewajipan dikenakan, kepada seseorang pegawai awam dan suatu jawatan baru kemudiannya diwujudkan di dalam jabatan yang sama, yang gajinya tidak kurang dari gaji pegawai awam itu, maka Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengarahkan bahawa kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan itu, atau mana-mana darinya, hendaklah dijalankan oleh mana-mana pemegang jawatan yang diwujudkan itu, dan sama ada dengan menyengkirkan pegawai awam yang mula-mula dinamakan itu ataupun dengan cara lain.

Kuasa untuk  
melantik ke  
jawatan  
tetap yang  
tidak kosong

**25.** Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang mengandungi suatu jawatan, apabila pemegang tetap jawatan itu tiada kerana bercuti sementara menunggu perlucutan jawatannya, maka adalah sah bagi orang lain dilantik secara tetap ke jawatan yang sama ; dan, atas sebarang lantikan itu, segala hak, kuasa, tugas dan kewajipan jawatan itu hendaklah terletak pada orang yang dilantik itu dengan menyengkirkan pemegang jawatan itu yang tiada kerana bercuti sementara menunggu perlucutan jawatannya, tetapi tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan ceraian (2) dari bab 19, atau sebarang peruntukan yang membolehkan supaya suatu jawatan pemangku dibuat, atau yang membolehkan seseorang selain daripada pemegang

suatu jawatan untuk menjalankan dan menunaikan secara sementara kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan jawatan itu atau sebahagiannya.

**26.** Apabila suatu jawatan ditakrifkan sebagai termasuk seorang timbalan atau penolong atau pegawai awam lain, maka, tertakluk kepada sebarang arahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, timbalan atau penolong atau pegawai lain itu hendaklah —

- (a) semasa ketiadaan atau ketiadaupayaan untuk bertindak pemegang jawatan itu, melainkan jika dan sehingga kekosongan itu dipenuhi, sama ada secara sementara ataupun dengan cara lain, menjalankan kuasa-kuasa yang terletak padanya dan menunaikan kewajipan-kewajipan yang akan ditunaikan olehnya ; dan
- (b) walaupun pemegang atau orang lain yang menuaike kewajipan-kewajipan jawatan itu ada dan boleh bertindak, menjalankan kuasa-kuasa itu dan menunaikan kewajipan-kewajipan itu sebagaimana yang mungkin diwakilkan oleh pemegang atau orang lain itu.

**27.** (1) Apabila, menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis, suatu kuasa diberikan atau suatu kewajipan dikenakan kepada suatu kumpulan atau sebilangan orang yang mengandungi, atau tidak kurang daripada, 3 orang, maka kuasa itu boleh dijalankan atau kewajipan itu ditunaikan atas nama kumpulan atau sebilangan orang itu dengan majoriti orang itu.

(2) Apabila kumpulan itu bersidang, Pengerusi atau orang lain yang mempengerusikan hendaklah mempunyai undi pemutus dan juga undi bebas.

(3) Perjalanan sebarang kuasa yang terletak pada kumpulan atau sebilangan orang itu boleh dinyatakan sama ada oleh Pengerusi atau orang lain yang mempengerusikan pada

Kesan  
mentakrif-  
kan  
jawatan  
hendaklah  
termasuk  
timbalan  
atau  
penolong

Kuasa  
majoriti  
dan orang  
yang  
mem-  
pengerusi-  
kan

mesyuarat atau perundingan lain di mana kuasa itu dijalankan, atau di mana, mengikut mana yang berkenaan, kuasa untuk menjalankannya diberikan, atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa dari masa ke semasa oleh kumpulan atau orang-orang itu untuk menyatakan perjalanan kuasa itu.

Anggapan  
untuk  
faedah  
perjalanan  
kuasa  
secara sah

**28.** (1) Apabila, menurut sebarang undang-undang bertulis, kuasa diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau mana-mana pegawai awam untuk membuat sebarang perundangan tambahan, atau untuk membuat sebarang suratcara atau untuk menjalankan sebarang kuasa, dan undang-undang bertulis yang memberikan kuasa itu menetapkan syarat-syarat, sama ada objektif atau subjektif, yang tertakluk kepada pematuhan, pelaksanaan atau kewujudannya sebarang kuasa itu boleh dijalankan, suatu pernyataan dalam suratcara yang menjalankan kuasa itu bahawa perundangan tambahan atau suratcara itu dibuat, atau kuasa yang dijalankan, pada menjalankan, atau menurut, kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis itu, atau suatu pernyataan yang sama maksudnya, hendaklah, jika pernyataan itu termasuk sebutan kepada peruntukan undang-undang bertulis itu jika syarat-syarat itu ditetapkan, dianggap termasuk suatu pernyataan bahawa syarat-syarat sebelum perundangan tambahan atau suratcara itu dibuat, atau sebelum kuasa itu dijalankan, telah sempurna dipenuhi.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bertindak selepas berunding dengan mana-mana Majlis Mesyuarat yang ditubuhkan menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis.

## BAHAGIAN V

### PERWAKILAN KUASA

**29.** Sebarang perwakilan yang dibuat pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bahagian ini hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Perwakilan di bawah bab-bab 30, 31, 32 dan 33 untuk disiarkan dalam *Warta Kerajaan*

**30.** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, dengan kebenaran awal daripada Majlis Mesyuarat Negeri yang dinyatakan dengan ketetapan, mewakilkan kepada mana-mana pegawai awam atau badan awam perjalanan sebarang kuasa atau penunaian sebarang kewajipan yang, dengan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis selain dari Perlembagaan, dikehendaki untuk dijalankan atau ditunaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat untuk mewakilkan dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri

**31.** Jika sebarang kuasa atau kewajipan terletak pada atau untuk ditunaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia menurut sebarang undang-undang bertulis selain dari Perlembagaan, maka baginda boleh, dengan kelulusan majoriti Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, mewakilkan perjalanan kuasa itu atau penunaian kewajipan itu kepada mana-mana pegawai awam atau badan awam.

Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mewakilkan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tertentu dengan kelulusan majoriti Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri

**31A.** (1) Jika dalam sebarang undang-undang bertulis seseorang Menteri diberi kuasa untuk menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang kewajipan, dia boleh, sekiranya tidak ada sebarang peruntukan undang-undang yang berlawanan, dengan perkenan Kebawah Duli Yang

Perwakilan kuasa Menteri

Maha Mulia dan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mewakilkan mana-mana orang atas nama atau orang yang pada masa itu menunaikan kewajipan-kewajipan suatu jawatan yang ditetapkan olehnya untuk menjalankan kuasa-kuasa itu atau melaksanakan kewajipan-kewajipan itu bagi pihak Menteri tersebut tertakluk kepada syarat-syarat, kecualian-kecualian dan kelayakan-kelayakan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan selepas itu atau mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, orang yang diwakilkan itu hendaklah mempunyai dan menjalankan kuasa-kuasa itu dan melaksanakan kewajipan-kewajipan itu :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun yang terkandung dalam bab ini boleh membenarkan seseorang Menteri untuk mewakilkan mana-mana orang bagi membuat perundangan tambahan di bawah kuasa yang diberikan bagi maksud itu kepada Menteri tersebut oleh sebarang Akta.

(2) Menteri tersebut boleh menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang kewajipan yang diberikan kepadanya oleh suatu Akta dengan tidak menghiraukan perwakilan olehnya akan kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan itu.

**Pengecualian**

32. Tiada sebarang apapun dalam bab 30, 31 atau 31A boleh membenarkan perwakilan sebarang kuasa untuk membuat perundangan tambahan, untuk mengeluarkan waran atau Perisy蒂haran atau untuk mendengar sebarang rayuan.

Perwakilan  
tidak  
mencegah  
perjalanan  
kuasa oleh  
pegawai  
yang  
mewakil-  
kannya

33. Apabila, menurut undang-undang bertulis ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, atau mana-mana pegawai awam, badan awam atau orang diberi kuasa untuk mewakilkan perjalanan sebarang kuasa, atau pelaksanaan sebarang kewajipan, yang terletak padanya di bawah undang-undang bertulis itu —

(a) tiada perwakilan yang dibuat di bawahnya boleh mencegah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat atau pegawai awam, badan awam atau orang itu, mengikut mana yang berkenaan, dari menjalankan atau melaksanakan pada bila-bila masa sebarang kuasa atau kewajipan yang diwakilkan itu ; dan

(b) perwakilan mungkin bersyarat, sementara atau terhad mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh orang atau badan itu, yang dengan kebenarannya perwakilan itu dikehendaki untuk dibuat, dan, jika tiada orang atau badan itu, mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh orang atau badan yang mewakilkan itu.

## BAHAGIAN VI

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN HUKUMAN

**34.** Pengenaan suatu hukuman menurut atau di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis hendaklah tidak melepaskan mana-mana orang dari liabiliti untuk bertanggungjawab atas gantirugi terhadap seseorang yang tercedera.

Pengenaan suatu hukuman tidak menjadi halangan terhadap tindakan sivil

**35.** Jika, menurut sebarang undang-undang bertulis, adalah menjadi suatu kesalahan untuk melakukan sebarang perbuatan atau perkara tanpa suatu lesen, permit, kebenaran atau autoriti lain, pelanggaran sebarang syarat yang kepadaanya sebarang lesen, permit, kebenaran atau autoriti lain itu tertakluk secara sah hendaklah dengan sendirinya menjadi suatu kesalahan, yang boleh dihukum mengikut cara yang sama dan dengan hukuman-hukuman yang sama sebagaimana kesalahan yang mula-mula disebutkan itu.

Pelanggaran syarat dalam lesen, permit, dsb., merupakan suatu kesalahan

**36.** Apabila sebarang perbuatan atau peninggalan menjadi suatu kesalahan di bawah 2 atau lebih undang-undang bertulis, atau di bawah suatu undang-undang bertulis dan di bawah sebarang undang-undang lain yang dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam, maka pesalah boleh didakwa dan

Peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan di bawah 2 atau lebih undang-undang

dihukum di bawah salah satu atau sebarang undang-undang itu, atau di bawah undang-undang lain itu, tetapi tidak boleh dihukum dua kali atas kesalahan yang sama.

Hukuman  
kerana  
tingkah  
laku buruk  
dan  
pelanggaran  
lain jika  
tiada  
peruntukan  
tertentu

37. (1) Jika, menurut Akta Pengenaan Undang-Undang, suatu pelanggaran sebarang perbuatan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang layak di United Kingdom atau sebarang perbuatan yang merupakan suatu tingkah laku buruk pada *common law* dan tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi hukumannya, maka, perbuatan itu atau pelanggaran itu boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh selama 3 tahun dan suatu denda, dan Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidangkuasa.

(2) Tertakluk sebagaimana yang dipersyaratkan selepas ini, pelanggaran suatu undang-undang bertulis yang belum ditetapkan dengan nyata sebagai suatu kesalahan hendaklah menjadi suatu kesalahan : Hukuman, dalam hal suatu undang-undang bertulis selain dari perundangan tambahan, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$8,000 ; dan, dalam hal perundangan tambahan, denda sebanyak \$4,000.

(3) Ceraian (2) hendaklah tidak dikenakan —

(a) jika suatu remedи lain dipersyaratkan oleh Akta yang berkaitan ;

(b) tanpa menyentuh tindakan tatatertib berkaitan dengannya, jika pelanggaran itu semata-mata mengandungi pengabaian suatu kewajipan yang dikenakan kepada seseorang pegawai dalam Perkhidmatan Kerajaan ; atau

(c) kepada suatu pelanggaran perundangan tambahan yang mengandungi sebarang peruntukan yang menetapkan pelanggaran-pelanggaran mana yang menjadi kesalahan.

(4) Hukuman-hukuman yang dipersyaratkan oleh ceraian (2) juga boleh dikenakan jika pelanggaran suatu undang-undang bertulis telah ditetapkan sebagai suatu kesalahan tetapi tiada peruntukan dibuat bagi hukumannya.

**38.** (1) Apabila, dalam atau menurut peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, lebih dari satu hukuman ditetapkan atas suatu kesalahan, penggunaan perkataan “dan” hendaklah bermakna bahawa hukuman-hukuman itu hendaklah dikenakan tiap-tiap satu.

Cara  
menetapkan  
hukuman  
dan  
hukuman  
tiap-tiap  
satu

(2) Apabila, dalam atau menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis selain daripada peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, lebih dari satu hukuman ditetapkan atas suatu kesalahan, penggunaan perkataan “dan” hendaklah bermakna bahawa hukuman-hukuman itu boleh dikenakan salah satu atau tiap-tiap satu.

(3) Tanpa menyentuh ceraian-ceraian (1) dan (2) dari bab ini dan bab 39, penggunaan perkataan “hukuman” dalam suatu bab atau pembahagian lain sebarang undang-undang bertulis hendaklah dianggap menetapkan bahawa pelanggaran bab atau pembahagian lain itu di mana perkataan itu terdapat adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman-hukuman yang tidak melebihi dari hukuman-hukuman yang ditentukan sejurus selepas perkataan “hukuman”.

**39.** Apabila, dalam atau menurut sebarang undang-undang bertulis, suatu hukuman, sama ada penjara atau denda, ditetapkan kerana suatu kesalahan maka ia hendaklah bermakna —

Hukuman  
yang di-  
tetapkan  
hendaklah  
hukuman  
maksimum

(a) bahawa kesalahan itu boleh dihukum apabila sabit kesalahan dengan suatu hukuman yang tidak melebihi dari hukuman yang telah ditetapkan ; dan

(b) jika jumlah denda tidak ditentukan, bahawa kesalahan itu, tanpa menyentuh sebarang peruntukan undang-undang terhadap denda dan taksiran yang berlebihan dan tidak munasabah, boleh dihukum dengan suatu denda berapapun jumlahnya.

Pelupusan  
denda  
dan  
hukuman

**40.** Sebarang denda atau hukuman yang dikenakan oleh atau di bawah autoriti sebarang undang-undang bertulis hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

Pelupusan  
lucut-  
hak

**41.** Apabila, di bawah sebarang undang-undang bertulis, sebarang harta alih dihukumkan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa lain untuk dilucutahak, maka ia hendaklah dilucutahak kepada Kerajaan, dan hasil bersih dari penjualannya, jika diperintahkan oleh pihak berkuasa yang layak untuk dijual, hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

## BAHAGIAN VII

### RAMPAIAN

Kuasa  
Kebawah  
Duli Yang  
Maha Mulia  
untuk  
melantik  
pegawai  
awam  
sedemikian  
untuk  
berkhidmat  
dalam  
Lembaga  
dan untuk  
melantik  
pengurus

**42.** Apabila, di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, kuasa diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau kepada mana-mana pegawai awam untuk melantik mana-mana orang atau orang-orang sebagai pengurus atau ahli mana-mana lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan yang sama, maka adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau pegawai awam itu, mengikut mana yang berkenaan, untuk melantik demikian, dengan gelaran jawatan rasminya, mana-mana pegawai awam ; dan, atas lantikan itu dan sehingga lantikan itu dibatalkan ataupun dengan cara lain ditentukan, orang yang pada masa itu memenuhi jawatan berkenaan hendaklah menjadi pengurus atau ahli lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan yang sama itu.

**43.** Apabila fiat, pemberian kuasa atau persetujuan Peguam Negara atau mana-mana pegawai awam diperlukan sebelum sebarang pendakwaan atau tindakan dimulakan, atau bagi sebarang maksud apapun berhubung dengan sebarang perbicaraan, sebarang dokumen yang dikatakan mengandungi fiat, pemberian kuasa atau persetujuan Peguam Negara atau pegawai awam itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima sebagai keterangan dalam sebarang perbicaraan tanpa bukti diberikan bahawa tandatangan dalam fiat, pemberian kuasa atau persetujuan itu adalah tandatangan Peguam Negara atau pegawai awam itu.

Keterangan  
tandatangan  
Peguam  
Negara atau  
mana-mana  
pegawai  
awam  
dalam fiat

**44.** Sebarang perbicaraan sivil atau jenayah yang diambil oleh atau terhadap mana-mana orang kerana jawatannya hendaklah tidak diberhentikan atau terhenti dengan kematiannya, perletakan jawatannya atau ketiadaannya atau pemecatannya dari jawatan, tetapi boleh diteruskan oleh atau terhadap, mengikut mana yang berkenaan, orang yang dilantik untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan jawatan itu.

Perbicaraan  
*ex-officio*  
hendaklah  
tidak terhenti  
atas  
kematian,  
dsb.

**45.** Semua salinan bercetak *Warta Kerajaan*, yang dikatakan disiarkan dengan kebenaran dan dicetak oleh Pencetak Kerajaan, hendaklah diterima sebagai keterangan oleh semua mahkamah, dan dalam semua perbicaraan di sisi undang-undang apapun, tanpa sebarang bukti diberikan bahawa salinan-salinan itu telah disiarkan dan dicetak demikian, dan hendaklah sehingga dibuktikan sebaliknya diambil dan diterima sebagai keterangan bagi Perisyiharan-Perisyiharan, peraturan-peraturan, perintah-perintah, lantikan-lantikan, notis-notis dan penyiaran-penyiaran lain yang dicetak di dalamnya, dan bagi perkara-perkara dan hal-hal yang terkandung atau semestinya tersirat dalam mana-mana daripadanya.

*Warta  
Kerajaan*  
hendaklah  
menjadi  
keterangan  
bagi perkara-  
perkara  
di dalamnya

**46. (1)** Pencetak Kerajaan boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mencetak dan menawarkan untuk jualan kepada orang ramai salinan-salinan sebarang undang-undang bertulis yang telah dipinda dengan semua peninggalan dan pindaan perlu yang dikuatkuasakan

Pencetakan  
undang-  
undang  
bertulis

oleh undang-undang bertulis yang memindanya ; dan salinan-salinan itu hendaklah dianggap sebagai salinan-salinan sah bagi undang-undang bertulis yang dipinda itu.

Penggal 1  
tahun 1951  
22 tahun  
1956  
Penggal 1

(2) Bab ini hendaklah dikenakan juga kepada sebarang undang-undang bertulis yang dipinda menurut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Enakmen Edisi Semakan Undang-Undang, oleh Enakmen Edisi Semakan Perundangan Tambahan 1956 atau oleh Akta Penyemakan Undang-Undang.

Perbuatan di mana pembayaran adalah dikehendaki tidak perlu dilaksanakan sehingga pembayaran dibuat

**47.** (1) Apabila mana-mana orang, pegawai awam, jabatan awam atau badan awam dikehendaki untuk melakukan apa-apa jua di mana suatu bayaran akan dibayar atau suatu caj dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis, maka orang, pegawai, pegawai yang bertanggungjawab bagi jabatan awam atau badan awam itu boleh enggan melakukan perkara itu sehingga bayaran itu dibayar atau pembayaran dibuat, dan, jika jumlah pembayaran yang secukupnya yang akan dibuat tidak dapat ditentukan sehingga perkara itu dilakukan, sehingga dibayar sejumlah wang yang dianggarkan sebagai jumlah wang yang betul oleh orang, pegawai, pegawai yang bertanggungjawab bagi jabatan atau badan awam itu yang dikehendaki untuk melakukan perkara itu.

(2) Apabila suatu perkara telah dilakukan di mana sejumlah wang yang dianggarkan telah dibayar, jumlah wang itu hendaklah dilaraskan ke jumlah wang yang betul, sama ada dengan cara pembayaran selanjutnya atau dengan mengembalikan jumlah wang yang terlebih bayar.

Pengurangan,  
perubahan,  
remitan dan  
pengenaan  
bayaran  
dan caj

**48.** Sebarang bayaran atau caj menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang kena dibayar kepada Kerajaan atau kepada mana-mana badan awam atau pegawai awam, bukannya suatu bayaran atau caj yang dikawalselia oleh aturan-aturan mahkamah —

(a) boleh dikurangkan atau diubah dengan perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat :

Dengan syarat bahawa sebarang perubahannya hendaklah tidak melebihi dari angka asal ;

(b) boleh, dalam sebarang hal tertentu dan atas sebarang alasan khas, diremit atau dikembalikan, kesemuanya atau sebahagiannya, oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

**49.** Apabila sebarang Akta Parlimen disebut, adalah mencukupi bagi segala maksud untuk menggelarnya dengan gelaran pendek yang digelar di dalamnya, atau dengan gelaran pendek yang diberikan kepadanya oleh Akta Gelaran Pendek 1896.

Gelaran undang-undang British

**50.** (1) Apabila, menurut sebarang undang-undang bertulis, suatu Akta Parlimen atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat telah, atau selepas itu, dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam, termasuk sebarang undang-undang bagi pengenaan am yang dikenakan menurut Akta Pengenaan Undang-Undang, adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, dengan peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan sebarang undang-undang bertulis itu, untuk mempersyaratkan pengubahsuaian-pengubahsuaian, mengenai nama, tempat, mahkamah, pegawai, orang, wang, hukuman dan dengan cara lain, sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menjadikannya boleh dikenakan mengikut keadaan Negara Brunei Darussalam ; dan, jika tiada peraturan-peraturan itu dibuat atau jika terdapat sebarang hal di mana peraturan-peraturan itu tidak disebut, maka Akta atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat itu hendaklah walaupun demikian dianggap sebagai dikenakan dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menjadikannya boleh dikenakan mengikut keadaan Negara Brunei Darussalam.

Pengubah-suaian Akta-Akta dan Perintah-Perintah dalam Majlis Mesyuarat diperluaskan atau dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam

(2) Tanpa menyentuh ceraian (1), dalam sebarang hal di mana suatu undang-undang, bagi pengenaan am dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam menurut Akta Pengenaan Undang-Undang, suatu sebutan kepada sejumlah wang, atau sebahagiannya, dalam pounds sterling hendaklah dianggap

sebagai sebutan yang sama dengan 10 kali ganda banyaknya ringgit, dan suatu sebutan kepada sejumlah wang, atau sebahagiannya, dalam jumlah lipat ganda daripada 5 pence hendaklah dianggap sebagai sebutan yang sama dengan separuh banyaknya ringgit.

Penggal 32

(3) Bagi maksud ceraian (2), "ringgit" bermakna matawang yang ditetapkan demikian yang sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam menurut Akta Matawang.

Pengertian  
sebutan-  
sebutan  
dalam  
undang-  
undang  
bertulis  
kepada  
Akta-Akta  
Parlimen  
dan  
Perintah-  
Perintah  
dalam Majlis  
Mesyuarat  
dan  
perundangan  
yang  
diperbuat  
di bawahnya

**51.** (1) Suatu sebutan dalam sebarang undang-undang bertulis atau dalam sebarang suratcara di bawahnya kepada suatu Akta Parlimen atau suatu Perintah dalam Majlis Mesyuarat hendaklah termasuk suatu sebutan kepadanya, sebagaimana ia boleh dari masa ke semasa dipinda, dan kepada sebarang Akta Parlimen atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat yang memperbuat semula, dengan atau tanpa pengubahsuaian, peruntukan-peruntukan Akta Parlimen atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat itu.

(2) Ceraian (1) hendaklah berkuatkuasa, berkenaan dengan peraturan-peraturan, aturan-aturan atau peruntukan-peruntukan lain yang mempunyai kuatkuasa perundangan menurut sebarang Akta Parlimen atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat, sebagaimana ia berkuatkuasa berkenaan dengan Akta atau Perintah dalam Majlis Mesyuarat itu.

JADUAL  
(Bab 38(91))

S.7/89

Bab-bab 324, 325, 326, 327, 328, 329, 330, 331, 332, 333, 354, 376, 384, 385, 386, 387, 388, 389, 392, 393, 394, 395, 397, 398, 399, 400, 401, 402, 426, 427, 428, 429, 430, 431, 432, 433, 434, 435, 437, 439, 440 dan 511 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Bab 29 dari Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggal 27). S.47/89

Bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram (Penggal 29).

Persubahanan sebarang kesalahan yang pada masa itu termasuk dalam Jadual ini.